



NEWSLETTER

Disediakan oleh:

N.Rajkumar V.Nagarethinam
Ketua Penolong Pengarah, BMP

AKAUN PENGAGIHAN & PENGGUNAAN PENDAPATAN DAN AKAUN MODAL

PENGENALAN



Pengeluaran menghasilkan pendapatan

Pendapatan diagih-agihkan



Pendapatan dibelanja atau ditabung

Tabungan diterjemahkan ke dalam pembentukan modal tetap dan pinjaman.



INSTITUSI

EKONOMI MALAYSIA

PERBADANAN KEWANGAN

- Awam
- Swasta

PERBADANAN BUKAN KEWANGAN

- Awam
- Swasta

KERAJAAN

- Persekutuan
- Badan Berkanun
- Negeri
- Pihak Berkuasa Tempatan

ISI RUMAH

Rest of the World (RoW)

JUJUKAN AKAUN



LAYOUT AKAUN (KLASIK)


- 01 Jujukan akaun menyediakan *integrated view* kepada seluruh ekonomi
- 02 Bentuk 'T'. Sumber (R) di kanan; Penggunaan (U) kiri
- 03 Item pengimbang – perbezaan jumlah sumber (R) dan setiap penggunaan (U)
- 04 Item pengimbang adalah *analytical interest* – KDNK, GNI, pendapatan boleh guna dan sebagainya.
- 05 Item pengimbang sebuah akaun akan dipindahkan ke kanan akaun seterusnya sebagai sumber

ANALYTICAL INTEREST

- Nilai Ditambah kasar
- Pampasan pekerja
- Lebihan kendalian
- Pendapatan harta benda
- Pendapatan negara kasar
- Cukai semasa ke atas pendapatan, kekayaan dsb.
- Sumbangan sosial bersih
- Pindahan semasa lain
- Pendapatan boleh guna
- Pindahan sosial bukan berbentuk wang
- Tabungan
- Imbangan luar negeri semasa
- Pembentukan modal tetap
- Pemberian pinjaman bersih




NILAI DITAMBAH MENGIKUT SEKTOR INSTITUSI



- ❖ Nilai ditambah (VA) menunjukkan *trend* yang meningkat setiap tahun kecuali pada tahun 2009 disebabkan oleh *Global Financial Crisis*.
- ❖ Perbadanan Bukan Kewangan (NFC) merupakan penyumbang utama kepada VA dan sumbangan NFC telah meningkat dari RM352,402 juta kepada RM715,693 juta dengan purata pertumbuhan 8.4 peratus setahun.
- ❖ Ini diikuti dengan institusi Isi Rumah dan Institusi Bukan Untung Yang Berkhidmat Untuk Isi Rumah (Isi Rumah) di mana sumbangan kepada VA telah meningkat dari RM108,226 juta kepada RM221,405 juta bagi tempoh yang sama dengan purata pertumbuhan 8.5% setahun.
- ❖ Institusi kerajaan merupakan penyumbang yang ketiga terbesar kepada VA kecuali pada tahun 2010.


PAMPASAN PEKERJA KEPADA NILAI DITAMBAH MENGIKUT SEKTOR INSTITUSI



- ❖ Kadar pampasan pekerja kepada nilai ditambah (CE/VA) menunjukkan *trend* yang meningkat secara *additive* dari 0.262 pada tahun 2006 kepada 0.348 pada tahun 2015 iaitu dengan *mean* pertumbuhan tahunan sebanyak 3.5 peratus.
- ❖ Dalam konteks yang mudah bagi setiap RM100 nilai tambah dihasilkan, sebanyak RM26.20 telah diagihkan kepada pekerja pada tahun 2006 manakala RM34.80 diagihkan pada tahun 2015. Peningkatan ini menunjukkan bahawa kemakmuran ekonomi dikongsi bersama dengan Isi Rumah.
- ❖ CE/VA bagi kerajaan adalah di antara 0.892 hingga 0.953 dan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar hasil kerajaan digunakan untuk membayar emolument. Jurang CE/VA bagi NFC dan FC adalah semakin rapat sejak tahun 2011.




PENDAPATAN HARTA BENDA (PENGUNAAN) MENGIKUT SEKTOR INSTITUSI



- ❖ Secara keseluruhannya, semua institusi menunjukkan peningkatan dalam pembayaran pendapatan harta setiap tahun kecuali pada tahun 2009.
- ❖ Pendapatan harta terdiri daripada komponen seperti faedah, pendapatan perbadanan teragih, pengagihan pendapatan pelaburan, sewa dan perolehan pelaburan semula ke atas pelaburan langsung asing.
- ❖ Pembayaran pendapatan harta benda bagi NFC telah meningkat dengan purata 7.4 peratus setahun iaitu dari RM61,440 juta kepada RM115,201 juta pada tahun 2015 manakala pembayaran oleh FC adalah dari RM63,710 juta kepada RM105,540 juta.
- ❖ *Trend* pembayaran pendapatan harta yang meningkat kebiasaannya akan menarik lebih banyak pelabur domestik dan antarabangsa

PINDAHAN SOSIAL BUKAN BERBENTUK WANG & PERBELANJAAN PENGGUNAAN AKHIR KERAJAAN



- ❖ Pindaan sosial bukan bentuk wang merupakan bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada rakyat dalam bentuk bukan wang (*in-kind*) seperti pakaian, bahan makanan kering kepada golongan bersasar.
- ❖ *Trend* pindaan sosial bukan bentuk wang meningkat dengan purata 7.8 peratus setahun. Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan adalah perbelanjaan yang ditanggung oleh kerajaan bagi menyediakan perkhidmatan kepada rakyat. Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan pada tahun 2016 adalah RM73,153 juta dan meningkat kepada RM172,958 juta pada tahun 2018.
- ❖ Walaupun ekonomi Malaysia turut terjejas akibat *Global Financial Crisis* pada tahun 2009, kerajaan tetap meningkatkan perbelanjaan penggunaan akhir.

PENAFIAN: Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan *newsletter* ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

